

RM50j baik pulih, naik taraf fasiliti usang politeknik, Kolej Komuniti

Nor Amalina Alias - Ogos 18, 2024 @ 3:05pm
bhnews@bh.com.my



Ts Abdul Razak Sabtu menyampaikan diploma kepada graduan pada Konvokesyen Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Kolej Komuniti Negeri Kelantan 2024 di Kota Bharu, hari ini. - FOTO FB PKB (RASMI)

KOTA BHARU: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerima peruntukan RM50 juta tahun ini bagi membaik pulih fasiliti usang di institusi pengajian berkenaan.

Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK, Ts Abdul Razak Sabtu, berkata ada 36 politeknik dan 106 Kolej Komuniti di seluruh negara dengan hampir 15,000 tenaga kerja dan jumlah pelajar semasa sekitar 100,000.

Beliau berkata, pihaknya turut menerima RM16.7 juta di bawah peruntukan digital bagi menaik taraf kelajuan internet di institusi pengajian berkenaan bagi menyediakan suasana kondusif supaya pelajar mendapat pendidikan berkualiti.

"Bagi projek naik taraf internet, dijangka siap pada hujung tahun ini dan bakal memberi manfaat kepada pelajar mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid melalui *virtual lab*, *Augmented Reality* dan *Mixed Reality*," katanya.

Beliau berucap merasmikan Konvokesyen Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Kolej Komuniti Negeri Kelantan 2024, di sini hari ini. Pada majlis itu, seramai 1,497 graduan PKB dan Kolej Komuniti menerima diploma dan sijil tamat belajar masing-masing.

Abdul Razak turut memaklumkan, kadar kebolehpasaran graduan politeknik dan Kolej Komuniti 2023 mencatat sejarah tertinggi sebanyak 97 peratus.

Katanya, lepasan kedua-dua institusi itu mendapat kepercayaan hampir 19,000 majikan dalam industri seperti perbankan, sektor elektronik dan industri minyak dan gas dalam dan luar negara.